



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN DASAR BANTUAN KEWANGAN KEPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM KOMUNIKASI UNTUK PERUBAHAN TINGKAHLAK *COMMUNICATION FOR BEHAVIOURAL IMPACT (COMBI)*

PENGENALAN

Garis Panduan Dasar Bantuan Kewangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2010 sehingga apa-apa pindaan dibuat.

TUJUAN

- 1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk menjelaskan peraturan-peraturan pemberian bantuan kewangan kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menjalankan aktiviti/program yang dapat membantu mencapai objektif-objektif Kementerian Kesihatan.

KELAYAKAN

- 2.1 NGO yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah layak untuk membuat permohonan bantuan kewangan:
 - 2.1.1 NGO yang berkenaan hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) ataupun Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan merupakan *non-profit company* atau syarikat atau badan yang mendapat pelepasan cukai di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

- 2.1.2 Perkhidmatan yang diberi hendaklah berasaskan kesihatan dan mempunyai kepentingan kebajikan dan kemasyarakatan serta tidak berasaskan keuntungan dan politik.
- 2.1.3 NGO mestilah mempunyai aktiviti/program yang spesifik terhadap kumpulan sasaran yang spesifik.

PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang seperti di bawah yang boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia:
 - 3.1.1 Borang KKM (KEW) COMBI/2010 – Bagi Permohonan Untuk Menjalankan Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkahlaku (COMBI).
- 3.2 Semua permohonan kali pertama hendaklah disertai dengan sesalinan Perlembagaan atau *Memorandum of Articles* NGO berkenaan.
- 3.3 Semua permohonan hendaklah di alamatkan kepada :-

**Urusetia
Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kewangan
d/a Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA**

SKOP BANTUAN

- 4.1 Bantuan kewangan ini hanya dipertimbangkan untuk aktiviti/program pencegahan/rawatan/promosi kesihatan yang ada berkaitan dengan aktiviti COMBI.

JUMLAH BANTUAN YANG DIPERTIMBANGKAN

- 5.1 Bantuan kewangan yang dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada kos aktiviti/program yang dicadangkan akan dijalankan oleh NGO. Walau bagaimanapun Kementerian hanya menimbangkan pemberian bantuan kewangan berdasarkan kepada keutamaan aktiviti, kesesuaian dengan objektif Kementerian dan peruntukan yang ada.

PROSEDUR PEMBAYARAN

- 6.1 Setelah sesuatu permohonan diluluskan, NGO berkenaan dikehendaki menandatangani satu Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan Kementerian. Bantuan kewangan akan disalurkan sebaik sahaja MOU berkenaan ditandatangani.

PROSEDUR KAWALAN DAN PEMANTAUAN

- 7.1 Bagi NGO yang menerima bantuan, mereka mesti menggunakan wang peruntukan dalam masa satu tahun dari tarikh menerima peruntukan dan mengemukakan Laporan Aktiviti/Program/*Post Mortem* Aktiviti dalam masa satu (1) bulan setelah aktiviti/program tersebut selesai. Format Laporan adalah seperti di **Lampiran A**.
- 7.2 Bagi tujuan pemantauan, pihak NGO mesti membenarkan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan untuk menjalankan pemeriksaan ataupun pengauditan terhadap aktiviti/program yang dijalankan dan ke atas penyata kira-kira NGO berkenaan.

JAWATANKUASA PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN (JPBK) KEPADA NGO

- 8.1 Semua permohonan perlu dikemukakan kepada Urusetia, Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kewangan Kepada NGO yang akan menerima semua permohonan daripada NGO dan Jawatankuasa ini akan menimbang/meluluskan permohonan-permohonan tersebut berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa tersebut.
- 8.2 Jawatankuasa ini dianggotai oleh Setiausaha Bahagian Kewangan, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit dan Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan dan di Pengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM.
- 8.3 Jawatankuasa ini juga akan menyemak Garis Panduan ini dari semasa ke semasa untuk mencapai objektif yang terdapat dalam Garis Panduan ini.

Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

1 Julai 2010

LAMPIRAN A

**LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM KOMUNIKASI UNTUK
PERUBAHAN TINGKAH LAKU COMMUNICATION FOR
BEHAVIOURAL IMPACT (COMBI)**

PERSATUAN : _____

PERKARA	PERJALANAN AKTIVITI/PROGRAM SECARA RINGKAS	JUMLAH DITERIMA (RM)	JUMLAH DIGUNAKAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1. Aktiviti : Masa : Tempat :	(Misalnya pencapaian objektif, kumpulan sasaran projek dll)			